

UMP Berani Berbeza Memaknakan Autonomi



Pencapaian cemerlang Universiti Malaysia Pahang (UMP) sepanjang tahun 2014 menunjukkan universiti ini berada pada kedudukan kukuh untuk terus merealisasikan matlamat Pelan Strategik UMP 2011-2015 menjadikan UMP sebagai universiti teknologi pilihan utama.

UMP terus bersedia menyerap gelombang transformasi pendidikan tinggi yang lebih mencabar termasuklah agenda autonomi. Menerusi pelan ini serta rangkaian dasar dan amalan baik yang digubal mampu mentransformasikan universiti ini untuk membantu para juruaudit menilai tahap tadbir urus secara sistematis dan menilai kesediaan terhadap autonomi. Empat tadbir urus yang diberikan tumpuan adalah institusi, sumber manusia, kewangan dan akademik.

"Pemberian status autonomi kepada universiti merupakan antara pengupayaan utama transformasi pendidikan tinggi yang juga menunjukkan komitmen Kerajaan menjadikan universiti di negara ini lebih kompetitif.

"Sesuatu IPTA akan dapat membuktikan keupayaan memikul tanggungjawab dalam beberapa aspek tertentu dengan berintegriti dan berdaya maju wajar diberikan status autonomi. Malahan, operasi autonomi membolehkan universiti bergerak dengan berkesan ke arah kecemerlangan," katanya dalam ucapan semasa Majlis Amanat Naib Canselor yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang pada

25 Februari 2015 yang lalu.

Beliau mengharapkan skala markah melebihi 80 peratus bagi melayakkkan autonomi penuh daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia bagi membolehkan UMP menjana kegemilangan dalam kerangka Pelan Strategik UMP 2016-2020.

Menurut Dr. Daing, bagi menentukan kerangka pemikiran, sikap, pendekatan dan tindakan yang khusus untuk universiti ini muncul unik dan berbeza dalam kelasnya dengan semangat 'Berani Berbeza' yang berkait rapat dengan pembentukan dan pemerkasaan jenama.

Katanya, menjadikan pemain yang kompetitif dalam kelasnya, UMP hendaklah berani meneroka aspek penjenamaan dengan lebih mendalam untuk menarik bakat terbaik sebagai calon staf dan mahasiswa.

"Terdapat enam inisiatif yang akan diberikan tumpuan khusus sepanjang tahun 2015 dan seterusnya. Inisiatif yang pertama iaitu melonjakkan pengajaran dan pembelajaran e-Learning berdasarkan perubahan dunia digital terkini, inisiatif kedua pula melonjakkan keusahawanan dan membentuk budaya keusahawanan secara berpadu. Kumpulan KRA kini dalam usaha menubuhkan beberapa enterprise daripada hasil penyelidikan.

"Jelas sekali bahawa isu-isu berkaitan keusahawanan merupakan pengupayaan utama kepada kejayaan inisiatif tersebut. Inisiatif seterusnya pula dalam mempergiatkan

komersialisasi dan memupuk minda komersialisasi. Maka aktiviti penyelidikan, Projek Sarjana Muda (PSM) dan Projek Tahun akhir harus bermula dengan memikirkan potensi komersial.

"Tiga yang lain adalah peningkatan kesejahteraan, sikap dan gaya hidup cemerlang warga kampus, pengurusan prestasi dan memupuk kepimpinan di setiap peringkat," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, selain itu, dalam menjadikan UMP berbeza dan mencipta kelainan dengan lebih inovatif UMP menekankan beberapa prinsip sebagai amalan iaitu sentiasa mencari peluang dalam persekitaran *adversity* (*seek opportunity in adversity*), membuat lebih dengan serba kekurangan (*do more with less*) dan fikir dan bertindak secara fleksibel (*think and act flexibility*).

"Begitu juga dengan menjadikan segalanya mudah (*keep it simple*), libatkan lencongan terpinggir (*include the margin*) dan sentiasa mengikut gerak hati (*follow your heart*)," katanya.

Justeru beliau menyeru warga universiti untuk Berani Berbeza untuk terus berevolusi secara dinamik sebagai IPTA yang mendakap pendekatan yang mengatasi kelaziman.

Jelas beliau, dinamisme ini merupakan kunci untuk kreativiti dapat terus dikembangkan sebagai inovasi yang memberi impak kepada daya saing secara lestari di UMP.